

DATE: 15/12/2008



OSMAN ADNAN | BERITA HARIAN

NAJIB melambai ketika hadir pada majlis Jamuan Perdana Ulang Tahun Sekolah Persendirian Chong Hwa ke-90, di Kuala Lumpur, malam tadi.

15/12/08

Melayu wajar kuasai Mandarin

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Najib Razak mahu melihat lebih ramai masyarakat Melayu mempelajari bahasa Mandarin.

Perdana Menteri berkata, beliau percaya bahasa boleh menjadi alat untuk menyatukan masyarakat Malaysia yang berbeza latar belakang termasuk budaya, agama dan bangsa.

Katanya, melalui penguasaan bahasa Mandarin, ia bukan saja menyatukan pelbagai kaum yang unik di Malaysia yang menjadi kekuatan dan aset negara, malah

mampu mewujudkan hubungan baik dengan China yang kini muncul kuasa ekonomi dunia.

"Hubungan Malaysia dan China berdasarkan ikatan semula jadi boleh menjadi kelebihan strategik dan kelebihan ekonomi negara.

"Anak lelaki saya yang belajar di Universiti Georgetown (Amerika Syarikat) belajar Mandarin lima hari seminggu. Mungkin selepas empat tahun di sana, dia mampu berkomunikasi dan mungkin boleh berucap dalam bahasa itu.

"Jika kita belajar bahasa kaum lain, kita akan lebih mempelajari budaya kaum lain dan menghormati sesama kita," katanya ketika berucap pada majlis Jamuan Perdana Ulang Tahun Sekolah Persendirian Chong Hwa ke-90, di sekolah itu, di sini, malam tadi.

Sementara itu, Perdana Menteri berkata, kedudukan sekolah persendirian Cina dijamin berdasarkan peruntukan mengikut Akta Pendidikan 1996 dan sehingga kini terdapat 60 buah di seluruh negara.